

## **LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN**

Syn Jin Tyres & Batteries Sdn Bhd (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu, Sabah bagi satu pertuduhan di bawah subseksyen 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan dengan curang menggunakan elektrik, iaitu dengan memasang kabel pintasan pada saluran bekalan elektrik utama untuk mewujudkan saluran bekalan elektrik kedua yang tidak melalui meter elektrik tersebut. Pada 26 Mac 2024, OKS telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan dan Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM20,000.00 dan OKS telah membayar denda tersebut.